

UUM



NEGARAWAN ASEAN

STRATEGI MENDEPANI KONFLIK

3.2595
NEG

OR

AHMAD ZAHARUDDIN SANI AHMAD SABRI

PENERIMA ANUGERAH
BUKU NEGARA 2016
**KATEGORI
PENERBIT
TERBAIK**



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

NEGARAWAN ASEAN

STRATEGI MENDEPANI KONFLIK

AN DR. MAHATHIR MU

NEGARAWAN ASEAN

STRATEGI MENDEPANI KONFLIK

EDITOR
AHMAD ZAHARUDDIN SANI AHMAD SABRI

PENERBIT UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

Sintok • 2017

PUSTAKA PERDANA



1011305

UUM Press
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok
Kedah Malaysia.

Tel: 04-9284797
Faks: 04-9284792
E-mel: penerbit@uum.edu.my
Laman sesawang: <http://uumpress.uum.edu.my>

© 2017 UUM Press

Cetakan Pertama 2017

Hak cipta terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh digunakan semula, ataupun dipindahkan dengan sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, perakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada UUM Press.

UUM Press ialah anggota Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM).

Perpustakaan Negara Malaysia

Data-Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

NEGARAWAN ASEAN STRATEGI MENDEPANI KONFLIK /
EDITOR AHMAD ZAHARUDDIN SANI AHMAD SABRI
ISBN 978-967-2064-41-1

1. Ex-prime ministers--Malaysia. 2. Prime ministers--Malaysia.
 3. Malaysia--Politics and government. I. Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri, Dr., 1971-.
- 923.2595

Dicetak di Malaysia oleh
UUM Press

923.2595
NEG



Kandungan

<i>Prakata</i>	<i>vii</i>
<i>Singkatan</i>	<i>ix</i>
<i>Senarai Penyumbang</i>	<i>xi</i>
Pengenalan	xiii
<i>Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri</i>	
1 Sejarah Pemikiran Pandang ke Timur Semasa Era Tun Abdul Razak	1
<i>Uqbah Iqbal, Nordin Hussein & Ahmad Ali Seman</i>	
2 Menelusuri Kepimpinan Tun Abdul Razak Hussein dalam Mengubah Landskap Sosioekonomi Luar Bandar Pascamerdeka	19
<i>Mohd. Sohaimi Esa & Mohd. Ainuddin Iskandar Lee Abdullah</i>	
3 Kepimpinan Bapa Perpaduan Mengatasi Kemelut Politik di Kelantan 1977	44
<i>Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri & Ahmad Shakir Amad Rifa'i</i>	
4 Mahathir dan Dunia Arab	62
<i>Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri & Muniroh Abdul Rohman</i>	
5 Aktivisme dalam Politik Luar Negara (Dasar Luar Negara): Pengajaran, Warisan Sukarno dan Mahathir Mohamad	77
<i>Abubakar Eby Hara, Rusdi Omar & Muhammad Afifi Abdul Razak</i>	

6	Legasi Pridi : Pengaruh Pridi dalam Sistem Politik Demokrasi Thai	92
	<i>Abdul Razak @ Abdulroya Panaemalae</i>	
	<i>Indeks</i>	111

Prakata

Pendokumentasian liku hidup yang dilalui oleh tokoh negarawan adalah amat penting dalam usaha untuk kita menghargai jasa dan pengorbanan mereka di samping memberi pencerahan kepada generasi baharu tentang sosok tokoh negarawan terbilang yang berkorban demi negara tercinta. Generasi muda kini perlu diberi pendedahan tentang cerita tokoh yang berhempas pulas, berkorban masa dan tenaga serta wang ringgit dalam usaha untuk menyelesaikan pelbagai konflik dalaman pada masa pemerintahan masing-masing serta membangunkan negara sebagaimana yang dikecap kini.

Di samping hanya mengetahui kisah-kisah tokoh negarawan dalam negara, menjadi satu bonus jika kita juga mengetahui tentang perjuangan serta perjalanan hidup tokoh-tokoh negarawan di negara jiran. Umum mengetahui setiap tokoh ada cara yang tersendiri dalam usaha untuk menyelesaikan pelbagai konflik yang dihadapi untuk kebaikan masyarakat dan negara masing-masing. Setiap tokoh mempunyai sikap dan sifat tersendiri yang boleh dijadikan tauladan kepada setiap lapisan masyarakat agar perasaan cinta pada negara lahir dalam diri setiap individu. Setiap metode atau cara kerja yang dibawa oleh setiap tokoh negarawan ini sebenarnya boleh dijadikan inspirasi dalam perjuangan kita pada hari ini untuk mengekalkan kebebasan negara, meneruskan pembangunan negara serta membawa negara selangkah demi selangkah ke arah negara maju.

Buku ini merupakan kombinasi manuskrip terpilih yang dibentangkan semasa Seminar Tokoh Negarawan Asean yang diadakan pada 22 hingga 23 September 2014 di EDC Hotel & Resorts, Sintok. Sehubungan dengan itu, buku yang memuatkan pelbagai kisah tokoh negarawan yang terbilang dari Malaysia dan Thailand ini diharap dapat membantu menjadi panduan dan rujukan kepada masyarakat umum. Mudah-mudahan dengan adanya buku ini dapat memberi inspirasi kepada setiap individu dan menjadi contoh tauladan dalam mengharungi era pemerintahan baharu tanpa melupakan pemerintahan terdahulu.

Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri
Mei 2017

Singkatan

APEC	Asia-Pacific Economic Cooperation
AS	Amerika Syarikat
ASEAN	Association of Southeast Asian Nations
FATAH	Palestinian National Liberation Movement
HA	Hubungan Antarabangsa
HAMAS	Harakat al-Muqawamah al-Islamiyyah Islamic Resistance Movement
ICFM	Pertubuhan Persidangan Islam
IMF	International Monetary Fund
NAM	Pergerakan Negara-negara Berkecuali
NEFOS	New Emerging Forces
OIC	Organization of the Islamic Conference
OLDEFOS	Old Established Forces
PBB	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
PGPF	Perdana Global Peace Foundation
PLN	Politik Luar Negeri
TNB	Tenaga Nasional Berhad
UNESCO	United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization
UNITEN	Universiti Tenaga Nasional
WSJ	Wall Street Journal

Senarai Penyumbang

1. Uqbah Iqbal
Pusat Pengajian Sejarah,
Politik dan Strategi,
Fakulti Sains Sosial dan
Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan
Malaysia.
2. Ahmad Ali Seman
Pusat Pengajian Sejarah,
Politik dan Strategi,
Fakulti Sains Sosial dan
Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan
Malaysia.
3. Mohd. Ainuddin Iskandar
Lee Abdullah
Pusat Pengajian
Antarabangsa,
Kolej Undang-Undang,
Kerajaan dan Pengajian
Antarabangsa,
Universiti Utara Malaysia.
4. Ahmad Zaharuddin Sani
Ahmad Sabri
Institut Pemikiran Tun Dr.
Mahathir Mohamad,
Universiti Utara Malaysia.
5. Nordin Hussin
Pusat Pengajian Sejarah,
Politik dan Strategi,
Fakulti Sains Sosial dan
Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan
Malaysia.
6. Mohd. Sohaimi Esa
Pusat Penataran Ilmu dan
Bahasa,
Universiti Malaysia Sabah.
7. Abdul Razak @ Abdulroya
Panaemalae
School of Liberal Arts,
Walailak University
Thasala.
8. Ahmad Syakir Ahmad
Rifa'i
Institut Pemikiran tun Dr.
Mahathir Mohamad,
Universiti Utara Malaysia.

9. Abu Bakar Eby Hara
Pusat Pengajian
Antarabangsa,
Kolej Undang-Undang,
Kerajaan dan Pengajian
Antarabangsa,
Universiti Utara Malaysia.
10. Muhammad Afifi Abdul
Razak
Pusat Pengajian
Antarabangsa,
Kolej Undang-Undang,
Kerajaan dan Pengajian
Antarabangsa,
Universiti Utara Malaysia.
11. Fatinah Mangsor
Institut Pemikiran Tun Dr.
Mahathir Mohamad,
Universiti Utara Malaysia.
12. Rusdi Omar
Pusat Pengajian
Antarabangsa,
Kolej Undang-Undang,
Kerajaan dan Pengajian
Antarabangsa,
Universiti Utara Malaysia.
13. Muniroh Abdul Rohman
Pusat Pengajian Umum,
Kolej Sastera dan Sains
Universiti Utara Malaysia.

Pengenalan

Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri

Buku ini menceritakan cara gaya kepimpinan tokoh negarawan terkemuka di Malaysia dan Thailand dalam usaha untuk menyelesaikan pelbagai konflik dalaman yang berlaku. Antara tokoh negarawan yang diperihalkan dalam buku ini ialah Tun Abdul Razak Hussein, Tun Hussein Onn, dan Tun Dr. Mahathir Mohamad serta seorang tokoh negarawan Thailand iaitu Pridi Banomyong.

Zaman pemerintahan Tun Abdul Razak Hussein adalah antara zaman yang mencabar kerana pada masa itu masalah ketidaksamaan ekonomi dan sosial melanda negara Malaysia. Tambahan pula pada masa itu, Malaysia berada dalam fasa pascamerdeka dan banyak pembangunan yang harus dijalankan oleh Tun Abdul Razak dalam usaha untuk membawa Malaysia sebagai sebuah negara membangun. Disebabkan itu, Tun Abdul Razak mengambil inisiatif mencari negara lain untuk dijadikan contoh dan tauladan. Selepas pulang daripada lawatan ke negara Jepun, beliau mengambil langkah untuk mewujudkan Dasar Pandang ke Timur, malah sebelum beliau dilantik menjadi Perdana Menteri Malaysia yang kedua, Tun Abdul Razak memulakan langkah untuk membangunkan negara dengan memfokuskan pembangunan luar bandar, membasmi kemiskinan dan meningkatkan taraf hidup penduduk. Pelbagai usaha dan langkah yang dilakukan oleh Tun Abdul Razak bagi membangunkan negara Malaysia daripada pelbagai sudut.

Zaman pemerintahan Perdana Menteri Ketiga juga tidak terlepas daripada pelbagai isu yang muncul. Isu perpaduan adalah antara isu paling hangat diperkatakan pada zaman pemerintahan Tun Hussein Onn antara tahun 1976 hingga 1981. Antara krisis yang masih diingati sehingga kini ialah kemelut politik di Kelantan pada tahun 1977. Isu ini mengangkat Tun Hussein Onn menjadi pemimpin yang berkaliiber, mementingkan rakyat tanpa mengira parti politik serta berlaku adil dan saksama kepada semua

pihak yang terlibat. Dengan menyelesaikan pelbagai isu sepanjang kepimpinannya sebagai Perdana Menteri, Tun Hussein Onn digelar sebagai Bapa Perpaduan.

Akibat masalah kesihatan, Tun Hussein Onn meletak jawatan sebagai Perdana Menteri dan digantikan dengan timbalannya pada masa itu, iaitu Tun Dr. Mahathir Mohamad. Tun Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri memfokuskan semua aspek semasa pentadbirannya. Beliau berusaha memajukan dan memodenkan Malaysia agar lebih dikenali di mata dunia. Selain meningkatkan pemodenan, Tun Dr. Mahathir sentiasa menjaga hubungan baik Malaysia dengan negara-negara lain. Hasil daripada sikap pantang menyerah dan sentiasa berusaha keras, Perdana Menteri Malaysia yang keempat ini berjaya membawa Malaysia dalam kancha persaingan dunia global dan diisytiharkan sebagai sebuah negara Islam. Daripada situ, Tun Dr. Mahathir Mohamad mula menjalinkan hubungan baik dengan dunia Arab dan menjadikan Malaysia sebagai antara negara yang aktif dalam Organisation of Islamic Cooperation yang akhirnya membawa keuntungan kepada negara dari aspek ekonomi dan pembangunan.

Tampuk pentadbiran Tun Dr. Mahathir Mohamad tidak dapat lari daripada dibandingkan dengan pemerintah terdahulu ataupun dari negara-negara jiran. Walau bagaimanapun, selain perbezaan, terdapat juga persamaan kepercayaan antara tokoh negarawan ini. Persamaan ini dapat dilihat dalam aspek aktivisme semasa pentadbiran antara Tun Dr. Mahathir Mohamad dengan Mantan Presiden Indonesia, Presiden Sukarno. Hal ini kerana, kedua-dua tokoh ini mengecam sistem antarabangsa yang didominasi Amerika Syarikat sebagai tidak adil, imperialistik dan eksploitatif. Dengan itu, kedua-dua tokoh ini membuka jalan baharu dengan cara masing-masing dalam usaha untuk lari daripada menjadi alat daripada satu sistem yang eksploitatif.

Di Thailand pula, perkembangan politiknya didapati sentiasa bergolak. Perebutan kuasa sesama rakyat sering berlaku sehingga memerlukan campur tangan pihak tentera untuk memulihkan keadaan. Walau bagaimanapun, kebangkitan daripada golongan rakyat seperti yang pernah berlaku ini hanya akan berjaya dengan adanya individu atau kumpulan yang benar-

benar memperjuangkan keadilan. Inilah yang berlaku kepada Pridi Banomyong yang dilahirkan sebagai rakyat biasa, mempunyai satu semangat patriotik yang tinggi dalam dirinya untuk menghapuskan sistem politik lama dan melakukan perubahan ke atas tanah tumpah darahnya, dan akhirnya diangkat menjadi Perdana Menteri serta pernah mendapat pengiktirafan sebagai Tokoh Negarawan Terulung oleh UNESCO.

Berdasarkan kepimpinan yang diceritakan ini, kita diperlihatkan cara yang tersendiri seorang tokoh negarawan menyelesaikan pelbagai konflik yang berlaku pada era pemerintahan masing-masing yang akhirnya dapat memuaskan hati pelbagai pihak dan rakyat pimpinan. Cara seseorang pemimpin memimpin merupakan satu perkara yang perlu kita hargai dan pelajari agar menjadi tauladan kepada masyarakat serta menjadi sumber rujukan dalam menjaga keharmonian negara.

1

Sejarah Pemikiran Pandang ke Timur Semasa Era Tun Abdul Razak Hussein

*Uqbah Iqbal, Nordin Hussin &
Ahmad Ali Seman*

Walaupun lahir dalam kalangan keluarga bangsawan, Tun Abdul Razak Hussein membesar dalam suasana kampung bersama datuknya di Kampung Jambu Langgar. Persekitaran kampung menjadikan beliau seorang yang sederhana, penuh pengertian terhadap kesukaran dan penderitaan hidup rakyat di bawah penjajahan British. Walaupun mendapat bantuan dana daripada British bagi melanjutkan pendidikan di England, namun beliau tidak menjadikan Barat sebagai kiblat dalam menjalankan dasar luar semasa era pentadbiran beliau. Era pentadbiran Tun Abdul Razak merintis usaha ke arah dasar luar Malaysia yang bebas dan berkecuali melalui hubungan diplomatik dengan hampir semua negara tanpa mengira ideologi. Beliau menamatkan dasar pro-Barat dan antikomunis Tunku Abdul Rahman yang keterlaluan. Sikap mementingkan kerjasama juga jelas kelihatan melalui usaha beliau mencari sahabat-sahabat baharu baik di peringkat serantau mahupun antarabangsa melalui diplomasi Pan-Islam dan dasar berbaik dengan negara Afro-Asia di samping meneruskan hubungan tradisi dengan Barat.

Beliau juga berusaha menjadikan Asia Tenggara sebagai Zon Keamanan, Kebebasan dan Keberkecualian (*Zone of Peace, Freedom and Neutrality*, ZOPFAN) melalui Deklarasi Kuala Lumpur. Penubuhan ZOPFAN menggalakkan Jepun untuk meningkatkan dan meluaskan dasar perdagangannya terhadap negara ASEAN, khususnya Malaysia. Walaupun Malaysia masih meneruskan keanggotaannya dalam pertubuhan Komanwel dan PBB, namun tumpuan hubungan negara difokuskan kepada negara anggota

ASEAN yang bersifat serantau berbanding PBB dan Komanwel yang bersifat global. Tun Abdul Razak menyatakan persepsi baharu golongan elit Malaysia terhadap situasi antarabangsa pada tahun 1970 semasa Persidangan Lusaka, melalui pemerhatiannya terhadap pengenduran ketegangan antara negara Timur-Barat dan peningkatan kepelbagaian kuasa atau pengaruh dalam sistem antarabangsa.

Berdasarkan penelitian, penulis mendapati tiada sebarang kajian ilmiah, tesis atau karya umum yang pernah menyentuh pemikiran Pandang Ke Timur semasa pentadbiran Tun Abdul Razak. Terdapat banyak kajian sebelumnya yang menyentuh dekolonisasi wilayah British secara umumnya dan sejarah Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua yang dapat membantu penulis mendalami fokus utama penulisan ini. Antaranya daripada William Roger Louis (1978), Christopher Thorne (1978), R.F. Holland (1985), John Darwin (1988), Nicholas Tarling (1993), A.J. Stockwell (1995), dan Tilman Remme (1995) yang menganalisis rancangan British dalam mengekalkan kawalan dan pengaruh mereka di Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua. Ahli sejarah ekonomi seperti P.J. Cain & A.G. Hopkins (1993), Michael Havinden & David Meredith (1993), Martin Rudner (1975) dan Nicholas J. White (1994) merungkai kepentingan ekonomi Tanah Melayu kepada British dalam tempoh selepas Perang Dunia Kedua. Andrew J. Rotter (1987) mendedahkan hubung kait antara Asia Tenggara dengan pembinaan semula ekonomi Britain dan Jepun selepas Perang Dunia Kedua. Lawrence Olson (1970) menganalisis peranan pampasan dalam menggalakkan hubungan antara Jepun dan Asia Tenggara selepas Perang Dunia Kedua. Sementara kajian Ezra F. Vogel (1979), Roger Buckley (1982), Ian Nish (1982), Endymion Wilkinson (1983, 1991), Carl Pegels (1984) dan Yasuhiro Hayasaki (1990) membincangkan sejarah konflik antara Jepun dengan negara Barat dari segi politik, sosial dan ekonomi di peringkat antarabangsa, penulisan ini akan melengkapi empat kajian tersebut melalui analisis ke atas sejarah pemikiran Pandang Ke Timur di Malaysia semasa pentadbiran Tun Abdul Razak Hussein.

Kepentingan Jepun dalam ekonomi Malaysia

Tun Abdul Razak menyifatkan Jepun berada dalam kedudukan yang baik untuk membantu Malaysia dalam pembangunan ekonomi. Ini kerana ia mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang teknologi dan latihan. Ia juga mempunyai golongan usahawan dan pengalaman untuk membantu pertumbuhan industri Malaysia, mempunyai pasaran yang boleh menyerap produk eksport dunia membangun dan mempunyai sumber-sumber yang boleh digunakan untuk memberi bantuan kepada Malaysia. Bermula dari awal tahun 1970-an, polisi kerajaan telah ditetapkan untuk menarik lebih ramai pelabur asing khususnya Jepun.

Sepanjang tahun 1970-an, kerajaan Malaysia memberi penekanan kepada pengeluaran pelbagai barangan eksport seperti alat-alat elektronik, perabot dan buah-buahan di dalam tin. Satu perkara yang menjadi perhatian kerajaan ketika itu adalah untuk memperoleh sumber modal dan teknologi bagi membantu Malaysia dalam program industrialisasinya, juga berlandaskan matlamat Rancangan Malaysia Kedua melalui Dasar Ekonomi Baru dalam mencapai perpaduan melalui pengagihan kekayaan secara adil dan saksama dalam kalangan rakyat. Jika sebelumnya ekonomi Malaysia kuat bergantung kepada produk primer khususnya getah dan bijih timah, kini kepelbagaian ekonominya terutamanya dalam sektor pembuatan, menjadi satu agenda penting kerajaan sebagai sumber pertukaran wang asing serta menyediakan peluang pekerjaan yang lebih banyak untuk rakyat.

Pada 3 Mei 1971, Tun Abdul Razak memuji peranan dan penglibatan Jepun dalam Seminar Persidangan Menteri-Menteri Pembangunan Ekonomi Asia Tenggara Keenam untuk pembangunan ekonomi Asia Tenggara. Beliau menyatakan Jepun mempunyai sejarah perdagangan yang lama dengan Asia Tenggara dan hubungan ini semakin meningkat dalam tahun-tahun kebelakangan. Menjelang tahun 1975, 30 peratus daripada eksport Asia Tenggara akan ke Jepun dan 40 peratus daripada importnya adalah daripada Jepun. Terdapat tanda-tanda bahawa penglibatan ekonomi Jepun di rantau ini akan meningkat dengan ketara dalam

dekad 1970-an. Pada 30 Julai 1971, Tun Abdul Razak menyeru para belia Malaysia agar mengambil tauladan daripada kebangkitan semula ekonomi Jepun walaupun negara itu mengalami pahit maung hasil kekalahan Perang Dunia Kedua. Pada masa kini, Jepun merupakan gergasi dalam bidang perindustrian dan teknologi moden. Kebangkitan Jepun sekali lagi diungkit beliau pada 3 September 1972. Pada 16 Ogos 1971, dalam menyesuaikan dan mengasimilasikan unsur-unsur yang terbaik daripada bidang sains dan teknologi dengan unsur-unsur yang bernilai daripada tradisi kebudayaan lama bangsa yang diwarisi, Tun Abdul Razak menyeru masyarakat agar melihat kemajuan bangsa Jepun yang menunjukkan bahawa perindustrian moden tidak membawa keruntuhan tradisi kebudayaan dan kesenian bangsa.

Pada bulan Oktober 1971, Tun Abdul Razak melakukan lawatan diplomasi ke Jepun bagi memohon supaya kerajaan Jepun memberikan sumbangan dalam menstabilkan keamanan di Asia Tenggara khususnya dalam perselisihan Indochina. Dalam satu majlis jamuan makan malam yang disediakan oleh Perdana Menteri Jepun di Tokyo, Tun Abdul Razak dalam ucapannya menggambarkan Jepun sebagai rakan dagangan utama Malaysia, dengan sebanyak 18 peratus daripada jumlah keseluruhan perdagangan negara pada tahun 1970 adalah dengan Jepun. Jepun juga merupakan pelabur asing keempat terbesar dalam syarikat-syarikat perintis Malaysia dengan jumlah pelaburan keseluruhan sebanyak 42 juta dolar. Barangan buatan Jepun seperti radio, set televisyen, motosikal, kereta, kamera, peralatan elektrik dan mekanikal boleh didapati hampir di setiap rumah rakyat Malaysia sama ada di kawasan bandar atau luar bandar. Kedua-dua negara juga menjalin kerjasama dalam mempromosi dan menguatkan kerjasama serantau melalui organisasi seperti Majlis Menteri untuk Pembangunan Ekonomi Asia Tenggara dan Bank Pembangunan Asia.

Tun Abdul Razak juga menggesa Jepun untuk menyumbang kepada keamanan dan kestabilan negara-negara Asia Tenggara dengan membantu pembangunan mereka. Malaysia jelas sekali ingin mencontohi kejayaan ekonomi Jepun, terutamanya dalam teknologi industri kerana kerajaan berpendapat pembangunan

ekonomi tidak akan bermakna sekiranya hanya berfungsi sebagai pengeluar bahan mentah dan pasaran untuk barangan siap. Beliau juga mahukan satu bentuk perhubungan baharu antara Malaysia dengan Jepun yang boleh membawa ke arah perkongsian keuntungan dan ke arah rakan kongsi yang lebih baik pada masa hadapan. Semasa lawatan Tun Abdul Razak ini, beliau berkesempatan menemui golongan usahawan dan pengusaha Jepun, antaranya Arataro Takahashi, Pengerusi Lembaga Syarikat Matsushita. Hasil daripada perjumpaan inilah Syarikat Matsushita membuat keputusan meluaskan lagi bidang operasinya di Malaysia.

Hasil perbincangan dengan Perdana Menteri Jepun, Malaysia diberikan Kredit Yen sebanyak RM 300 juta bagi membantu menjayakan Rancangan Malaysia Kedua. Terdapat juga perjanjian kedua-dua pihak bahawa mesyuarat tahunan akan diadakan secara rasmi bergilir-gilir di Malaysia dan Jepun bagi mengkaji semua isu tertunggak antara kedua-dua negara. Tun Abdul Razak merasa gembira dengan perkembangan ini kerana penting bagi para pegawai kedua-dua negara untuk berhubung lebih kerap bagi membincangkan sebarang masalah serta meningkatkan pemahaman dan kerjasama antara kedua-dua negara dan rakyat. Pada 29 Mac 1972, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Kadir bin Shamsuddin menandatangani perjanjian pinjaman kredit Yen Jepun yang kedua kepada Malaysia di Bilik Gerakan Negara.

Pada 11 Julai 1972, satu seminar pelaburan diadakan di Osaka untuk menarik lebih ramai pelabur Jepun ke Malaysia. Terdapat juga persembahan tarian Melayu daripada kumpulan kebudayaan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta persembahan lain yang ditunjukkan di Balai Malaysia semasa ekspo ini bagi memperkenalkan budaya Malaysia kepada rakyat Jepun. Malaysian Investment Centre juga dibuka di Tokyo oleh Federal Industrial Development Authority (FIDA) dengan sokongan kuat daripada Musa Hitam. Usaha menarik pelaburan Jepun ke Malaysia disebabkan persaingan antarabangsa yang sedang dihadapi oleh kerajaan daripada negara membangun yang lain dalam menarik pelaburan daripada negara maju. Kerajaan berpendapat bahawa usaha perlu dipertingkatkan untuk mencapai matlamat ini.

Tindakan yang diambil oleh kerajaan dalam menarik pelaburan Jepun kemudiannya membawa hasil, dengan rombongan delegasi Jepun tiba satu demi satu ke Malaysia.

Keputusan Jepun dalam pembangunan ekonomi Persekutuan Tanah Melayu boleh dilihat melalui sumbangan mereka dari semasa ke semasa, misalnya pada 10 Februari 1971, kerajaan Jepun menghulurkan bantuan kewangan kepada Malaysia apabila Tun Abdul Razak menerima sekeping cek bernilai RM 10 ribu daripada Shigeo Nagano, pemimpin rombongan industri dan institusi kewangan Jepun yang melawat Kuala Lumpur. Wang itu disumbangkan mereka untuk Tabung Bencana Negara. Ini diikuti dengan pemberian kapal perdagangan M.V. Bunga Orkid seberat 12,400 tan daripada kerajaan Jepun pada 8 Jun 1971. Kapal perdagangan M.V. Bunga Orkid ialah salah satu daripada dua buah kapal laut yang pembinaannya dibiayai oleh kerajaan Jepun hasil daripada geran muhibah kepada Malaysia berjumlah RM 25 juta. Dalam majlis penerimaan ini, Tun Abdul Razak mengucapkan tahniah dan memberi penghargaan kepada Syarikat Mitsubishi Heavy Industries Ltd. atas kesanggupan dan kejayaannya membina kapal M.V. Bunga Orkid dalam masa yang begitu singkat hingga dapat dilancarkan dalam tempoh satu setengah tahun sahaja. Ini membuktikan betapa tingginya tahap kemahiran teknologi di Jepun sehingga berjaya memenuhi kontrak pembinaan dalam jangka waktu yang lebih pendek dari yang dijadualkan.

Pada 16 September 1971, Kementerian Kebajikan Am menerima sebanyak 10 buah radio transistor daripada sebuah syarikat Jepun untuk digunakan di Yayasan-Yayasan Kebajikan di Semenanjung Malaysia. Pada 15 Jun 1972, Syarikat Sony menghadihkan peralatan berupa sebuah video *cassete recorder* dan sebuah video *mobile* unit untuk Pusat Latihan Penyiaran Kebangsaan di Angkasapuri, Kuala Lumpur. Terdapat pembukaan rasmi Kompleks Matsushita di Zon Perdagangan Bebas Sungai Way pada 6 Mei 1973. Kompleks ini mengandungi dua buah kilang iaitu Matsushita Industrial Corporation dan Matsushita Electric Component. Kedua-dua kilang ini berorientasikan eksport. Pada 19 Mei 1973, satu perjanjian perusahaan bersama limbungan kapal berharga berjuta ringgit di antara kerajaan Malaysia dengan

tiga buah syarikat perusahaan swasta, Sumitomo Shipbuilding and Machinery Company dari Jepun (SSM), International Maritime Carriers (Overseas) Incorporation dari Liberia (IMC) dan Kuok Brothers Sdn. Bhd. dari Malaysia (KBL) ditandatangani di Perbendaharaan. Pada 3 Disember 1973, kerajaan Malaysia dan kerajaan Jepun menandatangani perjanjian projek latihan jurutera laut di Bilik Gerakan Negara, Jabatan Perdana Menteri.

Terdapat juga pelancaran rasmi Pertanian Baring Sanwa Multinational Berhad pada 25 Oktober 1974 antara Bank Pertanian dari Malaysia, Baring Brothers dan Bank Multinational dari Britain dan Bank Sanwa dari Japan (salah satu daripada lima buah bank terbesar di Jepun). Penubuhan bank saudagar ini bertujuan menyahut seruan kerajaan untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai pusat kewangan. D & C Nomura Merchant Bankers Berhad pula dilancarkan dengan rasmi pada 28 Oktober 1974 antara Nomura Securities, Mitsui, Bank Nasional Australia dan D & C. Pada 23 Disember 1978, kerajaan Jepun bersetuju menyumbangkan tidak lebih daripada RM 370 ribu sebagai sebahagian daripada Skim Bantuan Kebudayaan Jepun kepada Kementerian Pelajaran bagi membeli beberapa jenis peralatan pelajaran audio visual (pandang dengar).

Pada 19 November 1973, Tun Abdul Razak menyatakan dari segi penglibatan golongan petani tempatan dalam syarikat usaha sama dan persatuan peladang adalah jauh ketinggalan berbanding dengan Jepun yang mempunyai sektor pertanian yang maju kerana penglibatan golongan petaninya dalam koperasi pertanian. 90 peratus daripada golongan keluarga petani Jepun menjadi ahli biasa dalam koperasi pertanian dan bakinya sebagai ahli bersekutu. Lembaga Pertubuhan Peladang hendaklah menjalankan kempen besar-besaran bagi mendapatkan golongan petani tempatan menyertai pertubuhan peladang ataupun dalam syarikat usaha sama berasaskan pertanian selaras dengan matlamat kerajaan dalam DEB.

Dalam suatu majlis makan malam sempena menyambut kedatangan Perdana Menteri Jepun, Kakuei Tanaka pada 12 Januari 1974, Tun Abdul Razak memuji Jepun sebagai rakan dagang penting Malaysia. Kerjasama ekonomi yang terjalin juga

membantu mengeratkan hubungan kedua-dua negara. Tun Abdul Razak juga melahirkan keyakinan bahawa kemasukan Jepun ke dalam ekonomi Malaysia akan meningkat seiring dengan pembangunan negara yang semakin pesat. Tun Abdul Razak juga menyatakan bahawa kerjasama Jepun sangat diperlukan di peringkat kerajaan dan bukan kerajaan dalam menjayakan pelan Rancangan Malaysia Kedua yang sudah pun memasuki separuh penggal pada masa itu. Pentadbirannya mengalu-alukan kemasukan syarikat Jepun dan kepentingan industrinya dalam ekonomi Malaysia. Mereka akan dianggap sebagai rakan dan sebahagian daripada masyarakat. Kehadiran mereka juga tidak akan dianggap semata-mata mengaut keuntungan tetapi sebagai rakan kongsi yang mempunyai kepentingan bersama dalam pembangunan dan kejayaan negara. Walaupun keuntungan dianggap sebagai elemen penting dalam perniagaan, tetapi elemen prihatin dan keinginan untuk membantu perlu diterapkan juga dalam jangka panjang untuk membentuk hubungan perniagaan yang baik. Tanpa semua elemen ini, hubungan perniagaan antara Jepun dengan Malaysia akan menjadi keruh dan akhirnya tidak menghasilkan keputusan yang baik.

Tun Abdul Razak juga mengharapkan kerajaan Jepun mengamalkan semangat yang sama dalam penyertaannya ke dalam pembangunan ekonomi Malaysia. Beliau tidak ragu-ragu bahawa dengan kepantasan kadar pembangunan negara, Jepun boleh memainkan peranan yang semakin penting dalam tahun-tahun yang akan datang. Pentadbirannya ingin melihat Jepun memainkan peranan sebagai rakan dan bekerjasama dengan kerajaan atas dasar kesaksamaan sebagai rakan kongsi yang benar dan konstruktif dalam pembangunan untuk manfaat bersama. Pemberian bantuan asing juga haruslah dilakukan dengan ikhlas tanpa sebarang syarat membebankan. Tun Abdul Razak juga percaya bahawa dalam semua projek usaha sama antara kedua-dua negara, perlulah ada semangat tolak ansur, yang memberi dan mengambil, dan keinginan yang mulia dan ikhlas untuk membantu.

Dari segi hubungan sosial, Kakuei Tanaka mengumumkan bahawa kerajaan Jepun berhasrat untuk memulakan program Ship of Southeast Asian Youth untuk memperlengkapkan

persefahaman dan persaudaraan antara belia di ASEAN. Kerajaan Jepun berharap agar belia Malaysia bersama-sama dengan belia ASEAN yang lain dapat melawat ke Jepun melalui program ini. Selain itu, Jepun menyediakan bantuan biasiswa kepada pelajar Malaysia khususnya dan pelajar ASEAN amnya di bawah tajaan Kementerian Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Kerajaan Jepun (MOMBUSHO), Jepun juga menghantar pengajar bahasa Jepun ke ASEAN untuk mempergiatkan lagi pembelajaran bahasa Jepun.

Pada tahun 1975, kepelbagaian pelaburan Jepun di luar negara menyediakan peluang baharu untuk perniagaan di Malaysia. Menurut Goh Cheng Teik, Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, beliau melihat sebagai peluang untuk mendapatkan sumber modal Jepun bagi membiayai Rancangan Malaysia Ketiga dan melonjakkan ekonomi Malaysia ke peringkat lebih tinggi. Beliau menasihatkan badan berkanun kerajaan dan sektor swasta agar tidak terlepas peluang ini dan memanfaatkannya untuk merebut seberapa banyak pelaburan dari Jepun. Situasi baharu ini membawa kepada beberapa misi perdagangan ke Jepun, satu daripadanya di bawah Timbalan Perdana Menteri ketika itu, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad. Beliau berpendapat oleh sebab import dari Jepun akan menjadi lebih mahal akibat kenaikan nilai yen, penubuhan lebih banyak industri yang menggalakkan di Malaysia perlu disokong.

Kepentingan Malaysia kepada ekonomi Jepun dapat dilihat melalui lawatan dari Jepun bagi membincangkan hubungan ekonomi kedua-dua negara serta bertukar pendapat tentang keadaan kewangan antarabangsa. Antaranya ialah rombongan seramai 15 orang pengusaha dan pemodal Jepun yang diketuai oleh Shigeo Nagano, Pengerusi Dewan Perniagaan dan Perusahaan Jepun dan Pengerusi Lembaga Pengarah Nippon Steel pada 8 Februari 1971, Rombongan Kewangan dan Pelaburan Jepun diketuai Timbalan Presiden Bank Fuji Berhad, Takuji Matsuzawa pada 31 Januari 1972, lawatan Presiden Nippon Steel Corporation, T. Hirari pada 10 Jun 1975, lawatan peserta-peserta Kursus Pembangunan Sosio Ekonomi pada 26 Oktober 1975, lawatan Penasihat Ekonomi kepada Menteri Luar Jepun, Fumihiko Togo pada 29 Oktober

NEGARAWAN ASEAN

STRATEGI MENDEPANI KONFLIK

Setiap pemimpin yang mengetuai sesuatu kerajaan atau negara memerlukan sentuhan yang tersendiri dalam menangani konflik. Buku ini menceritakan cara kepimpinan tokoh negarawan terkemuka Malaysia, Indonesia dan Thailand dalam aspek tersebut.

Antara tokoh negarawan yang diperihalkan dalam buku ini ialah seperti Tun Abdul Razak, Tun Hussein Onn, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Dato Sri Najib Tun Abdul Razak serta dua orang tokoh negarawan negara lain iaitu Sukarno, mantan Presiden Indonesia dan Pridi Banomyong, mantan Perdana Menteri Thailand.

Umum mengetahui setiap tokoh ada cara yang tersendiri dalam usaha memperjuangkan hak dan maruah masyarakat serta negara masing-masing. Pendekatan yang diambil oleh mereka dapat dijadikan tauladan kepada setiap lapisan masyarakat agar memupuk perasaan cinta kepada negara.

Buku yang memuatkan pelbagai kisah tokoh negarawan ASEAN yang terbilang ini diharap dapat menjadi panduan dan rujukan kepada masyarakat. Buku ini juga diharap dapat memberi kesedaran kepada masyarakat dalam mengenang jasa pemimpin terdahulu yang banyak menabur bakti kepada negara.



UUM PRESS
Penerbit UUM
Universiti Utara Malaysia

ISBN 978-967-2064-41-1



9 789672 0644 11

02800



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA